**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Inisiatif atasi isu kesihatan mental belia

**Kuala Lumpur:** Skor Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23) direkodkan pada tahap sederhana iaitu 71.91, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keadaan itu sekali gus mempamerkan wujud tekanan yang mendorong masalah kesihatan membabitkan golongan berkenaan.

Justeru, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB), berkata skor itu wajar digunakan sebagai petunjuk awal bagi mengenal pasti masalah terbabit dalam kalangan belia.

Katanya, keadaan terbabit boleh mendorong masalah kesihatan mental lebih serius, jika tidak ditangani segera, selain menyifatkan indeks itu sangat signifikan, terutama mengenai cabaran sosial dan ekonomi dihadapi generasi muda

MyMHI'23 dibangunkan Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), selain menjadi alat pengukur utama untuk menilai tahap kesihatan mental belia berumur antara 15 hingga 30 tahun di negara ini.

"Merujuk pencapaian domain (dalam MyMHI'23), domain pengalaman hidup mencatatkan skor tertinggi iaitu 88.51 dan berada pada tahap memuaskan.

"Bagaimanapun, domain persekitaran merangkumi gaya hidup, keperibadian individu, sokongan sosial, pengendalian tekanan dan minda sihat merekodkan skor terendah iaitu 65.45.

"Secara keseluruhan, majoriti belia tidak terdedah dengan pengalaman negatif seperti penderaan dan buli sepanjang kehidupan mereka, selain skor ini wajar dijadikan petunjuk prestasi utama nasional," katanya.



*Ahmad Zahid bersama Hannah, Dr Dzulkefly (dua dari kanan) dan Adam Adli (kanan) pada Mesyuarat JKPB dan Pelancaran Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia di Parlimen, semalam.* (Foto BERNAMA)

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat JKPB Bil. 2/2024 dan Pelancaran Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia di Parlimen, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh serta Timbalan Menterinya, Adam Adli Abd Halim.

## Buli siber punca bunuh diri

Sementara itu, Ahmad Zahid mendedahkan, buli siber, teknologi dan gaya hidup adalah antara tujuh faktor dikenal pasti sebagai punca bunuh diri dalam kalangan belia di negara ini.

Justeru, beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, JKPB memainkan peranan penting menyelaraskan isu pembangunan belia, membabitkan keputusan dasar seluruh kementerian dan agensi bagi mencapai kesepakatan menyeluruh.

Selain itu, katanya, Presiden dan Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia dilantik sebagai ahli tetap JKPB, berkuat kuasa pada mesyuarat akan datang.

"Kita amat prihatin mengenai aspek kesejahteraan mental dalam kalangan belia yang menjadi asas keseimbangan diri dan sosial kerana stress dan *anxiety* (kebimbangan) mengakibatkan berlakunya kejadian bunuh diri.

"Justeru, antara syor dipersetujui dalam mesyuarat termasuk pembabitan menyeluruh kementerian dan agensi dalam melaksanakan intervensi kesihatan mental lebih berkesan, khususnya bagi golongan belia.

"Selain itu, garis panduan untuk memberi sokongan dan bantuan kepada keluarga atau rakan terdekat yang terkesan akibat kes cubaan atau kejadian bunuh diri turut dibincangkan secara serius.

"Langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk menangani cabaran kesihatan mental belia sebagai isu penting yang memerlukan tindakan segera dan sokongan menyeluruh daripada semua pihak," katanya.

Sementara itu, Adam Adli berkata, trend kejadian bunuh diri dalam kalangan belia berusia 15 hingga 30 tahun mencatatkan penurunan drastik kepada 66 kes yang direkodkan sepanjang tahun lalu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya berkata, jumlah itu mencatatkan penurunan daripada 125 kes bunuh diri dalam kalangan belia pada 2022, manakala 2021 (154 kes).

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : NASIONAL**

Harian Metro | Rabu 06.11.2024 @hmetromy



SEKITAR kawasan pekarangan lokasi perigi yang dikatakan mampu mengubati pelbagai penyakit di Ulu Sepri, Rembau.

PERIGI MUJARAB RAWAT BANYAK PENYAKIT

# 'Khuatir ada logam berat'

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

**Seremban**

Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan (JKNNS) menghantar sampel air perigi diusahakan tapak perkhemahan di Rembau yang dikatakan mampu menyembuhkan pelbagai penyakit.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, S Veerapan berkata, beliau mengarahkan jabatan berkenaan ke lokasi itu menjalankan siasatan.

"Pihak JKNNS mengunjungi lokasi berkenaan selepas ia mendapat perhatian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) susulan dakwaan air perigi itu yang mampu menyembuhkan pelbagai penyakit.

"Sampel air diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor untuk dianalisis. Kami masih menunggu keputusannya sebelum mengetahui kandungan itu," katanya.

Jelas beliau lagi, kebiasannya air bawah tanah atau dikenali sebagai air mineral mempunyai kandungan tertentu termasuk logam berat yang dikhuatiri boleh memudaratkan kesihatan.

"Saya difahamkan ia bukan sahaja digunakan untuk mandi, malah orang ramai juga mengambilnya untuk diminum. Jadi kita tidak tahu apa kandungannya sama ada ia memang mujarab atau sebaliknya.

"Biasanya apa sahaja kandungan daripada sumber mineral, air berkenaan perlu menjalani proses rawatan ditetapkan sebelum boleh diminum orang ramai.

"Pihak Badan Kawal Selia Air (BKSA) Negeri Sembilan juga diarahkan ke lokasi bagi menyiasat perkara ini.

"Difahamkan orang ramai boleh membeli dua botol air berharga RM50 yang mengandungi 5 liter air bagi setiap botol. Sekurang-kurangnya 200 orang ke lokasi itu setiap hari," katanya.

Mengulas mengenai sumber air, Veerapan berkata, pihaknya percaya ia air bawah tanah yang digali dengan kedalaman tertentu menggunakan kaedah *tube well boring*.

"BKSA memaklumkan pengusaha menggunakan punca air diabstrak tanpa lesen dan tidak membuat permohonan lesen di bawah Akta Air 1920 (Akta 418) dibaca bersama Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007," katanya.

## Tunggu keputusan hasil analisis BKSA

**Rembau:** Khasiat dan kandungan air perigi serta puncanya yang didakwa mampu mengubati pelbagai penyakit di Ulu Sepri, di sini, kekal menjadi misteri.

Bagaimanapun, tinjauan wartawan di lokasi berkenaan mendapati orang ramai tidak putus ke lokasi itu untuk membeli air yang siap dimasukkan ke dalam tong air isipadu 5 liter.

Meski panas terik, orang ramai daripada pelbagai peringkat usia dilihat membawa sekurang-kurangnya dua tong air yang difahamkan dibeli pada harga RM50.

Wartawan cuba menemu bual pengusaha di kawasan itu, namun penyelianya seorang lelaki menolak memberikan sebarang kenyataan dengan cara baik.

Menurutnya, majikannya mengarahkan supaya perkara itu tidak didedahkan kepada mana-mana media setakat ini sekali gus usaha mengetahui khasiat dan kandungannya terbantut.

Ketika tinjauan, tiga pegawai Badan Kawal Selia Air (BKSA) Negeri Sembilan turut berada di lokasi untuk menjalankan siasatan selepas agensi itu dikatakan mengarahkan pengusaha supaya menghentikan mengambil air dari puncanya.

Bagaimanapun, penyelia di lokasi memaklumkan, air dijual ketika ini adalah stok sedia ada dan operasi tempat berkenaan berjalan seperti biasa.

Baru-baru ini, tular melalui media sosial mendakwa penggunaan air perigi di sebuah



TONG air perigi yang difahamkan dijual pada harga RM50.

lokasi di Rembau mampu memberi manfaat kesihatan kepada individu yang menghidap pelbagai penyakit termasuk strok menerusi teknologi rawatan khas.

KKM menerusi aplikasi X memaklumkan mengambil perhatian serius terhadap isu berkenaan.

JKNNS juga menjalankan siasatan terhadap pengusaha rawatan yang mendakwa mampu menyembuhkan pelbagai penyakit dengan menggunakan air perigi di sebuah tapak perkhemahan itu.

Pengarah JKNNS, Datuk Dr Harlina Abdul Rashid dilaporkan berkata, Pejabat Kesihatan Daerah Rembau melaksanakan pemeriksaan menyeluruh isu itu yang mendapat perhatian meluas dalam media sosial.

**Pengusaha melarang penyelia memberi sebarang maklumat kepada media**

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEGARA**

# Purata jangka hayat lelaki 72.5 tahun, kemurungan meningkat

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan purata jangka hayat lelaki ialah 72.5 tahun berbanding 77.4 tahun bagi wanita pada tahun lalu.

KKM berkata, punca kematian utama dalam kalangan lelaki ialah akibat penyakit kardiovaskular iaitu sebanyak 34.9 peratus, diikuti kanser (13.5 peratus) dan penyakit paru-paru kronik (4.7 peratus) bagi tahun 2021.

Jelasnya, kaum lelaki terlibat dengan faktor risiko yang meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular, kanser dan penyakit paru-paru kronik seperti merokok di mana 35.7 peratus lelaki merokok iaitu 40 kali ganda lebih tinggi berbanding wanita.

"Sebanyak 16.9 peratus lelaki didapati mengambil alkohol berbanding 6.4 peratus wanita," katanya dalam kenyataan sempena Sambutan Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki Peringkat KKM Tahun 2024 yang dirasmikan Timbalan Menterinya, Datuk Lukanisman Awang Sauni semalam.

Ujarnya, terdapat beberapa isu kesihatan lain yang perlu diberi perhatian seperti prevalen penyakit tidak berjangkit (NCD) yang masih tinggi dan tahap pengesanan penyakit berkait sistem reproduktif yang rendah.

Menurut KKM, masalah kemurungan dalam kalangan lelaki didapati kian meningkat daripada 2 peratus pada 2019 kepada 3.9 peratus pada 2023, namun sikap lelaki yang lebih suka menafikan masalah kerana budaya dalam masyarakat yang beranggapan bahawa lelaki perlu kekal 'kuat'.

"Bagi prevalen diabetes pada 2019 telah menurun sebanyak 18 peratus dari 18.3 kepada 15 peratus pada 2023," tambahnya.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 15**
**RUANGAN : NEGARA**

# Hanya KKM boleh putuskan operasi Klinik Kesihatan

**IPOH** – Isu waktu operasi Klinik Kesihatan (KK) Tanjung Malim yang mahu dikembalikan kepada 24 jam hanya akan diputuskan dan dirujuk kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A. Sivanesan berkata, waktu operasi itu hanya boleh diputuskan oleh KKM

Sivanesan berkata, pihaknya sedang meneliti isu tersebut secara serius dan akan memaklumkan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

"Rungutan dan aduan penduduk setempat akan diambil perhatian secara serius untuk tindakan selanjutnya," katanya di sini semalam.

*Kosmo!* melaporkan pada 28 Oktober lalu rata-rata penduduk berhampiran KK Tanjung Malim merayu agar wad kecemasan kembali beroperasi selama 24 jam berbanding waktu bekerja ketika ini yang mula dilaksanakan sejak Ogos lalu.

Perubahan waktu operasi itu menyukarkan mereka kerana ia melibatkan perihal mobiliti ekoran hospital terdekat ialah Hospital Slim River yang terletak 25 kilometer (km) dari klinik tersebut.

Seorang aktivis sosial, Mythreyar Muttaramalinggam, 46, berkata tiada siapa yang dapat memberi jaminan tiada penduduk yang akan menghadapi kecemasan di luar waktu pejabat.

KK Tanjung Malim telah menyediakan perkhidmatan 24 jam selama berpuluh-puluh tahun sebelum diubah waktu beroperasi tanpa sebarang alasan yang munasabah.




**KERATAN** *Kosmo!* **28 Oktober 2024.**

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

# Kerajaan perkasa tangani isu kesihatan mental belia

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 13 kementerian dengan kerjasama pihak swasta menggembeling tenaga untuk menangani isu kesihatan mental dalam kalangan belia melalui Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030.

Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, isu tekanan mental dan kegelisahan hingga mengakibatkan kejadian bunuh diri melibatkan beberapa faktor luaran adalah sesuatu yang membimbangkan.

Katanya, kejadian bunuh diri boleh berlaku disebabkan beberapa faktor utama termasuk buli siber dan gaya hidup seseorang itu.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 19**
**RUANGAN : FORUM**

Forum

# Atasi stigma kesihatan psikososial di tempat kerja

**PADA** 2023, laporan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan beberapa kajian bebas agensi penyelidikan dalam negara mendapati lebih 50 peratus pekerja Malaysia mengalami tekanan kerja dan hampir 25 peratus mengalami tekanan tinggi di tempat kerja.

Jurang dalam perlindungan insurans kesihatan psikososial masih besar. Kebanyakan yang ditawarkan majikan tidak merangkumi perkhidmatan kesihatan psikososial, menjadikan pekerja terdedah, terutamanya ketika memerlukan bantuan untuk mengatasi kepenatan, kemurungan, atau kebimbangan.

Kerjasama AIA Malaysia dengan platform kesihatan psikososial digital, ThoughtFull, yang dilancarkan pada 2022, adalah satu langkah pertama ke arah memasukkan kesihatan psikososial dalam faedah insurans, memberikan akses kepada terapi dan konsultasi bagi pekerja.

Demikian juga program Pertolongan Cemas Kesihatan Psikososial Pekerjaan yang dilancarkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) pada Februari 2024, menyasarkan latihan untuk 10,000 pekerja dalam memberikan sokongan kesihatan psikososial kepada rakan sekerja, dengan penekanan pada intervensi awal.

Baru-baru ini, media melaporkan lebih 40,000 kakitangan awam di negara ini berisiko tinggi mengalami isu kesihatan psikologi lantaran tuntutan kerja yang tidak realistik, kurangnya sokongan psikososial dan kurang keseimbangan di antara kerja, selain masalah kehidupan peribadi.

Sektor penjagaan kesihatan juga mengalami kes yang sangat membimbangkan. Kes seorang doktor muda di Sabah yang meninggal dunia akibat bunuh diri pada Ogos lalu dan kes serupa di Pulau Pinang pada Oktober, baru-baru ini mencetuskan kemarahan awam.

Kes-kes ini menunjukkan keperluan mendesak untuk perubahan sistematik dalam cara tempat kerja di Malaysia dalam menangani kesihatan psikososial.

Sebagai langkah ke arah masa depan yang lebih baik, majikan dan pihak berkepentingan perlu berkolaborasi untuk mencipta persekitaran kerja yang menyokong supaya pekerja dapat berbicara tentang isu psikososial tanpa rasa takut. Dengan usaha yang berterusan, kita boleh membina tempat kerja yang lebih sihat dan menyokong kesejahteraan semua pekerja di Malaysia.

Ekoran itu, baru-baru ini Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) melancarkan Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial Pekerjaan di Tempat Kerja 2024. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan rangka kerja yang jelas kepada majikan dalam menilai dan mengurus risiko psikososial di tempat kerja.

Inisiatif ini secara jelas menyatakan masalah psikososial tidak boleh diabaikan dan memerlukan pendekatan sistematik yang melibatkan semua pihak. Garis panduan tersebut menyediakan panduan praktikal tentang bagaimana majikan boleh mengenal pasti faktor risiko psikososial, menjalankan penilaian risiko dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Ini termasuk menyediakan sumber dan sokongan yang diperlukan bagi pekerja yang mengalami tekanan atau kesulitan psikososial.

Dengan pelancaran garis panduan ini, kerajaan menunjukkan komitmen untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja dan mengurangkan stigma yang menghalang pekerja daripada mendapatkan bantuan. Langkah ini diharapkan dapat memperkukuhkan kerjasama antara majikan dan pekerja dalam menangani isu-isu psikososial, serta memastikan bahawa setiap individu di tempat kerja mempunyai akses kepada persekitaran yang menyokong dan sihat.

**DR. ISMANIZA ISMAIL**
**& DR. MOHD FAIZ MD. TAHIR**
Universiti Teknologi MARA (UiTM) & Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)



**MAJIKAN** dan pihak berkepentingan perlu berkolaborasi untuk mencipta persekitaran kerja yang menyokong supaya pekerja dapat berbicara tentang isu psikososial tanpa rasa takut.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 28**
**RUANGAN : UTUSAN PELAJAR**

28 | Utusan Malaysia
RABU • 6 NOVEMBER 2024




# Gejala ketagihan *vape* dalam kalangan pelajar membimbangkan

Oleh NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

BARU-BARU ini Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendedahkan tinjauan selama tiga tahun dari 2021 mendapati hampir separuh daripada 15,000 pelajar sekolah rendah dan menengah di lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk 2,000 perempuan dikesan ketagih vape. Lebih mengejutkan apabila 4,000 dalam kalangan murid sekolah rendah turut hisap vape.

Ini menunjukkan masalah ketagihan vape dalam kalangan pelajar sekolah semakin serius dan membimbangkan sekali gus menuntut tindakan kawalan dan pencegahan yang sewajarnya sebelum terus memudaratkan kesihatan golongan belia negara ini.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah ketagihan vape dalam kalangan murid sekolah ialah vape terlalu mudah untuk diperoleh atau dibeli seperti di kedai-kedai runcit tanpa sebarang kawalan selain faktor pengaruh dan kawalan yang longgar di rumah.

Hakikat pahit yang perlu kita akui adalah ketika ini anak-anak cukup terdedah dengan penjualan vape di mana-mana saja. Misalnya waktu balik dari sekolah mereka boleh singgah di mana-mana kedai tepi jalan untuk membeli vape yang dijual pula pada kadar harga yang murah dan mampu dibeli oleh pelajar iaitu di antara RM5 hingga RM10 ringgit.

Tinjauan CAP juga mendapati 1,000 kanak-kanak tidak membeli atau menggunakan wang sendiri untuk membeli vape sebaliknya memperoleh daripada rumah sendiri kepunyaan ahli keluarga sama ada nenek, bapa atau abang mereka. Kelompok ini dilaporkan mula mencuba vape ketika tiada sesiapa di rumah.

Memandangkan masalah ketagihan vape semakin serius, sudah tiba masanya pihak berkuasa dan ahli keluarga memainkan peranan yang lebih tegas bagi melindungi anak-anak dari pada terus terjebak dalam gejala tidak sihat ini.

Pihak berkuasa diharap dapat mengambil langkah penguatkuasaan yang lebih tegas dengan meningkatkan kawalan terhadap produk mengandungi nikotin. Hal ini penting kerana walaupun ada undang-undang yang melarang membeli atau memiliki produk rokok namun penjualan yang tidak terkawal dan mudah menyebabkan pelajar bebas memiliki dan menghisap vape.

Justeru perlu juga ada undang-undang yang menyekat dan melarang penjual mempamerkan produk vape, e-rokok dan rokok di kaunter pembayaran di semua premis yang menjual produk tersebut.

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED ialah Yang Dipertua PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang Selangor.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 1**
**RUANGAN : MUKA HADAPAN**

# Fighting Big C with more access

The Health Ministry's plan to expand cancer care nationwide means rural folk will benefit from increased access and lower costs, while congestion will be reduced at major hospitals, say experts.

**> See reports on page 4 by RAGANANTHINI VETHASALAM, ALLISON LAI, BENJAMIN LEE and TEH ATHIRA YUSOF**

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : NATION**



# 12,252 schoolkids caught vaping

## Parents, businesses urged to help keep devices out of students' hands

**KUALA LUMPUR:** Over 12,000 students have been caught vaping in schools this year, says Deputy Education Minister Wong Kah Woh.

Wong said as of September 30, 12,252 students, or 0.24% of the 5.1 million total students, were found involved in vaping activities. In comparison, 2,365 students, or 0.05% of students nationwide, were caught smoking, according to ministry statistics.

These figures show a slight decrease compared to 2023, when 0.07% or 3,540 out of 5.06 million students, were caught smoking, and 0.26% or 13,427 students, were found vaping.

"While the ministry is doing everything possible to address this issue, we urge the public and parents to play their part in combating vaping and smoking.

> "The ministry is doing everything possible to address the issue."
> Wong Kah Woh

"We advise parents and the public to raise awareness about the dangers of these activities and ask store owners not to sell vapes or cigarettes to underage children," Wong said in Parliament yesterday.

He was responding to a supplementary question from Dr Richard Rapu @ Aman Anak Begri (GPS-Betong) about the current statistics on vaping and smoking among students in Malaysia and the measures schools are taking to curb the habit.

Concerns were raised after a report by *The Star* last month highlighted that vaping in schools remains an issue, with some vapes being disguised and sold as other products.

A teacher known only as Jane reported discovering a schoolgirl hiding a pen-shaped vape device in her underwear, along with numerous other incidents involving stationery-shaped vapes.

A separate *Star* report revealed that unscrupulous sellers continue to sell these products using deceptive keywords and designs that resemble ordinary stationery. These sellers were found listing their products as "batteries", "candies", "crayons" and even "face masks".

Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) raised the issue during a special parliamentary session on Monday, pointing out that vape products remained accessible on online shopping platforms as a result.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, who attended the session, noted that the ministry has developed a Five-Year Advocacy Plan aimed at protecting non-smokers, especially children and adolescents, from starting smoking and helping them stay smoke-free.

On February 2, the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852) came into effect, imposing strict regulations on the use, sale and display of smoking products in Malaysia.

The act designates various places, such as entertainment centres, hospitals, clinics, public toilets, and air-conditioned shops, as non-smoking zones. It also prohibits the sale of all vape and tobacco products within 40m of any school or university and bans their online sale and sale via vending machines.

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Companies list smoking products with ministry

**KUALA LUMPUR:** Dewan Rakyat was told that 190 companies producing smoking products and electronic cigarettes or vapes have registered their products with the Health Ministry.

Its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said 30 cigarette companies, four cigar companies, one company selling cigarillos, eight tobacco companies and 147 vape companies have registered in line with the enforcement of the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852), which became effective on Oct 1.

"During the registration process, complete details of smoking products, including material content and emissions produced, must be submitted.

"This is in line with articles 9 and 10 of the Framework Convention on Tobacco Control of the World Health Organisation. Any product that fails to meet the specifications set under the Act will not be granted approval for sale," he said at the special chamber session of the Dewan Rakyat sitting on Monday.

He was replying to a proposal put forward by Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) regarding the strict measures to control the vape industry in the country.

He said Act 852 stipulates a ban on the industry from selling disposable vape pod products in the form of toys or food that could attract children or teenagers.

"Smoking products need to be packaged in boxes that display new pictorial health warnings and the website jomquit.moh.gov.my to encourage smokers to quit smoking."

He said as of yesterday, the ministry has carried out 3,191 enforcement operations across the country and 56,517 premises have been visited.

"As of Nov 3, we have implemented education enforcement 72,024 times. We do not compound this education enforcement but provide education in terms of health literacy and so on." – Bernama

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Tanjong Malim clinic opening hours under review: Exco

**IPOH:** The operating hours of the Tanjong Malim Health Clinic will be reviewed and presented to the Health Ministry, Perak exco member A. Sivanesan said.

He was addressing complaints about the clinic's new hours, as it now operates from 8am to 5pm, a reduction from the previous 24-hour service.

"I will investigate the matter and inform the minister (Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad), who may send his team to look into it," he said.

The clinic had ceased its 24-hour service on Aug 1 to align with the operating hours of other rural clinics.

Tanjong Malim residents are worried that recent changes to the clinic's operating hours could lead to fatalities.

On Oct 13, it was reported that M. Praveen, a 25-year-old oil palm estate supervisor, died after being rushed to a private clinic for emergency treatment.

Sivanesan confirmed that an investigation into Praveen's death is under way. He added that officials will visit the victim's family to gather necessary information, as there are no records of him at the clinic.

"We are collecting facts, including his medical history, to prepare a report," he said.

On Nov 1, MCA deputy president Datuk Dr Mah Hang Soon stated that the reduction in hours has negatively impacted the community and may have contributed to recent death cases. – Bernama